

POLISI DATA PERIBADI KUMPULAN TASEK CORPORATION BERHAD

Ini adalah polisi data peribadi Tasek Corporation Berhad dan kumpulannya ("Kumpulan TCB" atau "kami"). Untuk tujuan polisi data peribadi ini, Kumpulan TCB merujuk kepada Tasek Corporation Berhad dan setiap anak syarikatnya, syarikat berkaitan atau bersekutu, syarikat induk dan anak-anak syarikatnya, dan semua pegawai, pekerja atau ejen sama ada terletak di dalam atau di luar Malaysia.

Kami akan mengemaskinikan polisi data peribadi ini ("Polisi") dari semasa ke semasa dengan memapahkan versi terkini pada laman web kami dan/atau cara-cara komunikasi lain dianggap sesuai oleh kami. Untuk mengelakkan keraguan, Polisi ini hanya digunakan jika anda adalah seorang individu. Sekiranya berlaku sebarang tidak keselarasan atau percanggahan antara versi dalam Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, maka versi bahasa Inggeris akan diguna pakai.

Kenyataan Data Peribadi

Data peribadi yang kami terima akan berbeza, bergantung kepada jenis transaksi komersil dengan Kumpulan TCB atau diminta oleh anda dan mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

1. data yang dipungut dari tempahan jualan, permohonan, persetujuan atau borang-borang lain, dokumen peribadi atau yang diperuntukkan oleh anda seperti nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon, pekerjaan, nombor kad pengenalan, nombor pasport, pendapatan, butiran majikan, dan mana-mana maklumat sedemikian lain yang mungkin berkaitan kepada permohonan anda atau diminta;
2. data yang mana mungkin diberi oleh penjamin, pengupah dan/atau parti yang memberi jaminan kepada kontrak tertentu seperti nama, nombor telefon, alamat;
3. data terkumpul melalui penyertaan kajian kepuasan pelanggan, atau apabila anda membalas komunikasi dari mana-mana jabatan dalam Kumpulan TCB;
4. data tentang transaksi-transaksi anda dengan Kumpulan TCB seperti status akaun, baki akaun, rekod pembayaran balik, dan aktiviti akaun;
5. data dikutip dari laporan-laporan biro kredit dan agensi-agensi laporan kredit yang menunjukkan kekuatan kredit anda;
6. data yang mana diberi oleh institusi-institusi kewangan mengesahkan ketulenan dokumen seperti kenyataan-kenyataan bank dan untuk rujukan yang telah dipersetujui oleh anda;
7. data yang mana diberi oleh plaintif-plaintif dan/atau defendan-defendan berkenaan perkara undang-undang dan/atau firma-firma guaman untuk mengesahkan status kes undang-undang yang melibatkan diri anda (jika ada);
8. data melalui filem yang dirakam melalui sistem keselamatan (termasuk rakaman imej anda di televisyen litar tertutup (CCTV)) di premis Kumpulan TCB;
9. data diperuntukkan untuk permohonan biasiswa dan/atau pekerjaan, data sedemikian mungkin termasuk tetapi bukan terhad kepada nama anda, umur, julat, jantina atau keperluan fizikal, alamat, butir-butir hubungan, résumé, latar belakang pendidikan, sejarah pekerjaan, rujukan dan keputusan peperiksaan akademik dan/atau pemeriksaan pekerjaan dan maklumat lain yang berkenaan;
10. data yang dikomunikasikan melalui lisan dan tulisan dengan kami dan/atau ejen-ejen rasmi kami atau pengedar atau pelanggan atau pembekal; atau
11. data dari sumber-sumber lain di mana anda telah memberi persetujuan untuk pendedahan maklumat berkaitan dengan anda dan / atau di mana sebaliknya tidak terhad.

Tujuan

Data peribadi yang kami terima daripada anda berkenaan transaksi komersil dengan Kumpulan TCB mungkin digunakan untuk satu atau lebih tujuan seperti berikut:-

1. untuk membantu dan mengesah pengenalan anda apabila anda berkomunikasi dengan kami;
2. untuk menilai dan memproses permohonan atau permintaan anda tentang komersil transaksi dengan Kumpulan TCB atau keingingan untuk berurus niaga dengan Kumpulan TCB;
3. untuk memantau dan/atau mengesahkan kedudukan kewangan dan mewujudkan kekuatan kredit anda melalui semakan rujukan;
4. untuk Kumpulan TCB mempertimbangkan sama ada akan membekalkan atau meneruskan pembekalan produk kepada anda;
5. untuk mengurus dan mengekal transaksi akaun anda dengan kami, dan jika perlu, untuk menuntut hutang;
6. untuk menjawab pertanyaan, komen, aduan dan cadangan dari anda dan pada umumnya untuk menyelesaikan pertikaian;
7. untuk menilai, memproses dan menyiasat tuntutan insurans;
8. untuk menilai kewangan dan risiko insurans;
9. untuk mengemaskini, menyatu dan memperbaiki ketepatan rekod Kumpulan TCB ;
10. untuk membekal data, laporan dan statistik yang mana butir-butir telah dipadamkan atau dikumpulkan dengan cara anda tidak dapat dikenali sebagai individu;
11. untuk menjalankan penyelidikan bagi tujuan-tujuan analisis termasuk tetapi bukan terhad kepada pembangunan produk dan kualiti, perlombongan data dan analisis transaksi-transaksi anda dengan Kumpulan TCB;
12. untuk berurus secara surat-menyurat dan berkomunikasi kesusasteraan maklumat kepada anda seperti jemputan ke acara, maklumat tentang promosi, produk baru dan perkhidmatan yang mungkin menarik minat anda dan memberitahu anda tentang produk dan perkhidmatan Kumpulan TCB;
13. untuk menilai dan mentadbir dan berkomunikasi dengan anda berkaitan dengan permohonan anda untuk pekerjaan dan / atau biasiswa;
14. untuk memudahkan kami menasihati anda tentang peluang-peluang pekerjaan lain yang mungkin menarik minat anda dalam Kumpulan TCB;
15. untuk mematuhi keperluan pendedahan mengikut mana-mana perundangan, undang-undang, peraturan, garis panduan dan / atau pihak-pihak berkuasa berkaitan yang terikat pada Kumpulan TCB;
16. bagi tujuan keselamatan, kesihatan dan persekitaran;
17. bagi tujuan pentadbiran umum;
18. bagi tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
19. bagi pengesanan jenayah, pencegahan dan pendakwaan;
20. bagi mana-mana tujuan lain yang diperlukan atau dibenarkan oleh mana-mana undang-undang, peraturan-peraturan, garis panduan dan/atau pihak-pihak berkuasa berkaitan; dan/atau
21. bagi semua tujuan sampingan lain yang ada kaitan dengan mana-mana di atas.

Untuk rakaman CCTV, rakaman sedemikian boleh digunakan untuk tujuan berikut:-

1. untuk mengesan penceroboh dan menghalang penggunaan kemudahan, produk, perkhidmatan dan/atau premis Kumpulan TCB yang mencurigakan, tidak sesuai atau tanpa kebenaran;
2. untuk mengesan dan menghalang perilaku jenayah;
3. untuk keselamatan, kesihatan, persekitaran dan / atau tujuan-tujuan jaminan kualiti; dan/atau
4. untuk menjalankan siasatan insiden.

Pendedahan

Berkenaan dengan tujuan di atas, data peribadi anda mungkin didedahkan kepada parti-parti seperti berikut:-

1. syarikat dan / atau organisasi dalam Kumpulan TCB;
2. syarikat dan / atau organisasi yang bertindak sebagai ejen dan / atau penasihat profesional untuk Kumpulan TCB;
3. entiti dengan siapa anda telah persetujuan untuk pendedahan data peribadi anda;
4. penasihat profesional dan juruaudit luar Kumpulan TCB, termasuk tetapi tidak terhad kepada penasihat undang-undang, peguambela dan peguam cara, penasihat kewangan dan perunding;
5. mana-mana orang yang anda akui dan beri kuasa kepadanya untuk memberi arahan bagi pihak anda;
6. pihak polis atau mana-mana pegawai awam yang menjalankan siasatan berkaitan dengan kesalahan termasuk kesalahan-kesalahan yang disyaki;
7. mana-mana agensi penilaian, penanggung insurans atau broker insurans atau penyedia perlindungan kredit secara langsung atau tidak langsung;
8. mana-mana mahkamah, tribunal atau pihak berkuasa, sama ada kerajaan atau kuasi-kerajaan yang mempunyai bidang kuasa atas Kumpulan TCB;
9. mana-mana orang, pihak berkuasa atau pengatur dengan siapa Kumpulan TCB dibenarkan atau dikehendaki untuk membuat pendedahan di bawah undang-undang mana-mana negara;
10. mana-mana kerajaan, tempatan dan/atau badan kawal selia atau pihak berkuasa yang mematuhi kuasa berkanun, kawal selia, tempatan dan / atau syarat-syarat kerajaan;
11. mana-mana panel agensi pengutip hutang jika berlaku apa-apa keingkaran dalam pembayaran; atau
12. mana-mana orang berkaitan dengan penguatkuasaan atau pengekalan hak mana-mana Kumpulan TCB di bawah komersil transaksi anda dengan Kumpulan TCB,

sama ada di dalam atau di luar Malaysia untuk mana-mana daripada tujuan di atas.

Keselamatan

Kami akan memastikan data peribadi yang anda mungkin telah peruntukkan bagi kami dengan selamat, berhati-hati dan sejajar dengan undang-undang perlindungan data terkini di Malaysia.

Kami cuba mengekalkan laman web kami dan sistem-sistem berpangkalan web lain selamat. Bagaimanapun kami meminta anda untuk mengiktiraf bahawa apabila anda memberi data peribadi melalui laman-laman web kami dan sistem-sistem berpangkalan web lain atau apabila anda mahu kami menghantar anda mana-mana daripada maklumat sulit anda melalui e-mel; komunikasi internet dan e-mel atas internet mungkin tidak terjamin. Kami tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau pemintasan tidak berkuasa terhadap maklumat yang dihantar melalui internet yang di luar kawalan kami.

Sila ambil perhatian bahawa laman web kami dan sistem-sistem berpangkalan web lain boleh mengandungi pautan-pautan kepada laman web lain di luar Kumpulan TCB. Polisi kami hanya diguna pakai di atas laman web kami dan sistem-sistem berpangkalan web lain. Kami tidak bertanggungjawab atas kandungan, privasi atau keselamatan laman web lain.

Pengekalan

Kami akan mengekalkan data peribadi anda untuk suatu tempoh yang perlu untuk memenuhi tujuan seperti yang dinyatakan di atas dan di mana jua yang diperlukan oleh undang-undang dan/atau di mana dikehendaki oleh polisi berkenaan yang dikuatkuasakan oleh Kumpulan TCB.

Hak akses

Tertakluk kepada undang-undang perlindungan data yang terkini di Malaysia, anda boleh memohon akses kepada maklumat tentang data peribadi anda dan meminta untuk membuat pembetulan di mana data peribadi tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau bukan terkini. Sila hubungi kami secara bertulis di butir-butir hubungan yang disediakan di bawah untuk tujuan ini. Berkenaan hak anda untuk akses dan / atau membetulkan data peribadi anda, sila ambil perhatian bahawa kami mempunyai hak untuk menolak permintaan anda untuk akses dan / atau membuat apa-apa pembetulan kepada data peribadi anda atas alasan-alasan dibenarkan di bawah undang-undang perlindungan data yang terkini di Malaysia.

Hubungi

Setiausaha Syarikat
Tasek Corporation Berhad
6th Floor, Office Block
Grand Millennium Kuala Lumpur
160 Jalan Bukit Bintang
55100 Kuala Lumpur
Malaysia.

Telefon: +6 03 2144 6868
Faksimile: +6 03 2144 6828
Alamat surat-menyurat elektronik: ir@tasek.com.my